

29/12/2001

Dr Murad sambut baik pelepasan gantung keahlian

KUALA LUMPUR, Jumaat - Bekas Bendahari Perhubungan Umno Negeri Sembilan, Datuk Dr Abdul Murad Ahmad, yang digantung keahliannya sejak September 1996, menyambut baik keputusan Majlis Tertinggi (MT) untuk melepaskan penggantungannya berkuat kuasa 7 Disember lalu.

Abdul Murad berkata, beliau menerima surat pelepasan itu dari Setiausaha Agung Tan Sri Khalil Yaakob pada 13 Disember lalu.

"Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan semua ahli MT kerana melepaskan saya dari tindakan penggantungan sebagai ahli Umno," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Beliau yang juga Pengerusi Eksekutif Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), turut mengedarkan salinan surat berhubung keputusan MT itu yang ditandatangani Khalil.

Abdul Murad, 46, digantung keahliannya kerana membawa kes mengenai pemilihan Ketua Pemuda Umno Bahagian Seremban ke mahkamah.

Beliau bagaimanapun mendakwa dirinya difitnah dan membuat beberapa rayuan kepada Jawatankuasa Disiplin yang ketika itu dipengerusikan bekas Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Rayuannya tidak dijawab sehingga satu lagi rayuan dibuat kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang kini mempengerusikan jawatankuasa berkenaan, enam bulan lalu.

"Apa yang menghairankan saya pada masa itu ialah saya tidak terima sebarang surat penggantungan. Saya hanya tahu yang saya dipecat dari Umno melalui akhbar. Namun, saya tetap berterima kasih kepada MT yang menerima saya kembali," katanya.

Abdul Murad yang juga bekas Ketua Pemuda Umno Bahagian Seremban berkata, beliau tidak serik atau merasa dirinya sebagai mangsa kepada parti kerana tindakan penggantungannya itu dibuat ekoran masalah peribadi segelintir pemimpin Umno.

Pada masa yang sama, Abdul Murad berkata, beliau sedia memikul sebarang tanggungjawab atau jawatan dalam parti sekiranya pucuk pimpinan dan ahli Umno memerlukan khidmatnya.

"Sekiranya orang mahu saya bertanding semula, saya sedia untuk memberi khidmat saya, tetapi apa yang lebih penting sekarang ialah saya ingin memberi kerjasama sepenuhnya kepada parti baik di peringkat pusat, negeri atau cawangan," katanya.

Beliau turut berharap yang dirinya diberi peluang sekali lagi untuk menyumbang bakti terutama dalam memperjuangkan nasib orang Melayu dan usahawan yang masih memerlukan pembelaan Umno.

(END)